

23/11/1999

Perihal demam pilihan raya

MULA-MULA sekali Kiau minta maaf kalau kemunculan Kiau hari ini dan pada hari-hari berikutnya mengganggu ketenteraman pembaca budiman sekalian. Maklumlah Kiau sepatutnya muncul hanya seminggu sekali pada Ahad.

Macam banyak orang lain, Kiau pun terkena demam pilihan raya. Demam pilihan raya ini bukan macam demam biasa. Walaupun jarang bawa maut tapi penderitaannya dahsyat.

Lagipun demam politik ini tak ada ubat. Kesannya pula berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Ada yang tak ada selera makan. Ada yang asyik lapar. Ada yang tak boleh tidur.

Dan ada pula yang 'tidur' bertahun-tahun lamanya macam Profesor Jomo Kwame Sundaram atau K S Jomo. Dia 'tidur' nyenyak melalui enam pilihan raya umum.

Tetapi kali ini kerana kuat sangat bunyi bising agaknya, dia terjaga. Malang bagi sang profesor, dia terlepas peluang mengundi pasal terlambat mendaftar.

Ada pula yang sudah dipilih YB tapi lena selama sepanjang masa. Bila dia terjaga, pengundi entah ke mana, kerusi entah ke mana dan parti entah ke mana. Orang macam ini kita panggil YT (yang tidur) bukan YB (yang bangun, bekerja, bertugas, berkhidmat dan sebagainya).

Bila tidak dicalonkan semula, dia marah bukan alang kepalang. Dia tak mahu tolong kempen. Dia tutup bilik gerakan dan caci parti sendiri.

Yang rumah dia tersergam bagai istana dan kereta besar menjalar di jalan raya dia tak fikir. Dari mana dia dapat semua itu?

Kiau rasa orang macam ini kita kena suruh BPR siasat macam mana sebagai YB (atau YT) dia boleh buat harta begitu punya banyak.

Dulu orang tolong dia jadi calon, kempen untuk dia dan sokong dia sebagai YB dia tak ingat. Orang macam ini tak layak jadi ahli dan pemimpin parti.

Ada pula yang asyik sangat nak jadi calon, nak rampas negeri dan nak jadi Menteri Besar sampai lupa hutang lapuk. Tak kiralah hutang itu hutang dia sendiri atau hutang yang dia jadi penjamin.

Inilah nasib yang menimpa bekas bakal calon Pas, Datuk Harun Din yang tidak dipilih bertanding oleh Pas pasal ada kemungkinan dia dikenakan tindakan sivil bersabit masalah hutang.

Beginilah nasib dan takdir kita manusia. Hatta seorang profesor dan dukun yang khabarnya sangat handal pun tidak boleh melihat masa depannya sendiri. Dia berani ubatkan orang lain, tapi bila dia sendiri sakit jantung dia pergi berubat di Australia.

Setidak-tidaknya Dr Mahathir yang dibenci dan dicaci itupun berubat dalam negara bila dia sakit jantung.

Sekarang beribu-ribu rakyat Malaysia yang sakit jantung ada harapan berubat di Institut Jantung Negara yang dia ilhamkan selepas dia sendiri menjalani pembedahan jantung oleh anak negeri sendiri.

Kalau tak silap Kiau, masa Kiau menunaikan haji beberapa tahun lalu, Kiau nampak Harun jadi 'pengiring' kepada seorang Menteri Besar Umno yang pada waktu itu cukup terkenal. Sekarang MB itu sudah hilang jawatan dan kerusi.

Kiau rasa ada pengajaran yang boleh kita jadikan teladan daripada nasib yang menimpa Harun ini. Kalau Tuhan mahu, segala-galanya boleh berlaku.

Kemudian ada pula orang yang kerja dia masuk keluar parti semata-mata kerana hendak cari peluang bertanding dan cari duit. Daripada Umno dia

masuk Semangat 46. Daripada S46 dia masuk balik Umno. Sekarang dia masuk Parti Keadilan Nasional dan bertanding di salah sebuah kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Daripada zaman `a go-go' hingga ke zaman `reformasi' (reformasi dia bukan zaman Kiau) kerja dia tidak ada lain kecuali keluar masuk parti. Inilah orang yang menawarkan diri untuk memerintah negeri dengan adil dan telus.

Member Kiau, si kakak tua dari Zoo Melaka yang celupar mulutnya bertanya: "Politik telus atau politik fulus, reformasi atau gue punya diri?" Yang ini Kiau serah kepada pengundi membuat pilihan.

Tapi si kakak tua Zoo Melaka berkata dalam soal mencarut dia menyerah kalah kepada Profesor Emeritus (orang Melayu kata Profesor Pencen) Datuk Shahnnon Ahmad, ahli seumur hidup Pas dan calon parti itu bagi kawasan Parlimen Sik di Kedah.

Anehnya bila profesor pencen mencarut dan maki-hamun, tok guru Pas pula setuju. Dia kata Tuhan pun mencarut. Inilah yang buat kepala Kiau pening.

Macam-macam boleh jadi bila tok guru dan profesor pencen berdansa atas pentas politik.

Demikianlah antara beberapa contoh penyakit politik dan deman pilihan raya yang Kiau maksudkan. Esok kita bincang hal lain pula.

(END)